



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 49  
No. 24

**28hb November 2005**

*TAMBAHAN No. 115  
PERUNDANGAN (A)*

---

---

**P.U. (A) 488.**

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH (TRITI MENGENAI  
BANTUAN BERSAMA UNDANG-UNDANG DALAM PERKARA JENAYAH) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Triti mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara Jenayah) 2005**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2005.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“Negara Pemegang Simpanan yang ditetapkan” ertinya Kerajaan Malaysia;

“Pihak kepada Triti”, berhubung dengan mana-mana Negara asing, ertinya Negara asing yang telah meratifikasikan, menerima, mempersetujui atau menyertai Triti dengan menyimpan surat cara peratifikasian, penerimaan, persetujuan atau kesertaannya dengan Negara Pemegang Simpanan yang ditetapkan mengikut Perkara 30 Triti;

“Triti” ertinya Triti mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara Jenayah yang dimuktamadkan dan ditandatangani di Kuala Lumpur pada 29 November 2004 oleh Malaysia dan Negara asing Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Republik Filipina, Republik Singapura dan Republik Sosialis Vietnam yang di bawahnya Negara asing itu telah bersetuju untuk memberikan bantuan undang-undang dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

### **Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan**

3. Pihak kepada Triti yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (2).

### **Pemakaian Akta kepada Pihak kepada Triti**

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai bagi Pihak kepada Triti.

### **Kemasukan Triti dalam Perintah**

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual Kedua dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

#### JADUAL PERTAMA

[Perenggan 3]

#### NEGARA ASING YANG DITETAPKAN

(1)	(2)
<i>Pihak kepada Triti</i>	<i>Tarikh kuat kuasa</i>
Republik Singapura	1 Jun 2005
Republik Sosialis Vietnam	25 Oktober 2005

## JADUAL KEDUA

## [Perenggan 5]

TRITI MENGENAI BANTUAN BERSAMA UNDANG-UNDANG DALAM  
PERKARA JENAYAH

## SUSUNAN KANDUNGAN

Perkara 1	Ruang lingkup Bantuan
Perkara 2	Ketidakpakaian
Perkara 3	Had ke atas Bantuan
Perkara 4	Penetapan Pihak Berkuasa Pusat
Perkara 5	Bentuk Permintaan
Perkara 6	Kandungan Permintaan
Perkara 7	Pelaksanaan Permintaan
Perkara 8	Had ke atas Penggunaan Keterangan yang Diperoleh
Perkara 9	Perlindungan Kerahsiaan
Perkara 10	Pemerolehan Pernyataan Sukarela
Perkara 11	Pemerolehan Keterangan
Perkara 12	Hak untuk Enggan Memberikan Keterangan
Perkara 13	Pembekalan Dokumen yang Tersedia Secara Awam dan Rekod Lain
Perkara 14	Kehadiran Orang di Pihak yang Meminta
Perkara 15	Kehadiran Orang dalam Jagaan di Pihak yang Meminta
Perkara 16	Perjalanan Selamat
Perkara 17	Perjalanan Orang dalam Jagaan
Perkara 18	Pengegeledahan dan Penyitaan
Perkara 19	Pemulangan Keterangan
Perkara 20	Mencari atau Mengenal pasti Orang
Perkara 21	Penyampaian Dokumen
Perkara 22	Bantuan dalam Prosiding Perlucahkan
Perkara 23	Kesesuaian dengan Perkiraan Lain
Perkara 24	Pemerakuan dan Pengesahan
Perkara 25	Kos
Perkara 26	Rundingan
Perkara 27	Pindaan
Perkara 28	Penyelesaian Pertikaian
Perkara 29	Reservasi
Perkara 30	Tandatangan, Peratifikasian, Kesertaan, Penyimpanan dan Pendaftaran
Perkara 31	Permulaan Kuat kuasa, Pemakaian dan Penamatan
Perkara 32	Pemegang Simpanan Triti

---

TRITI  
MENGENAI  
BANTUAN BERSAMA UNDANG-UNDANG  
DALAM PERKARA JENAYAH

Kerajaan Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura dan Republik Sosialis Vietnam (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”):

BERHASRAT untuk meningkatkan keberkesanan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang Pihak-Pihak dalam pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan kesalahan melalui kerjasama dan bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah,

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

PERKARA 1

RUANG LINGKUP BANTUAN

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan tertakluk kepada undang-undang domestik mereka masing-masing, memberikan bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah yang seluas mungkin kepada satu sama lain, iaitu penyiasatan, pendakwaan dan prosiding yang berbangkit.
2. Bantuan bersama yang hendak diberikan mengikut Triti ini bolehlah termasuk:
  - (a) pengambilan keterangan atau pemerolehan pernyataan sukarela daripada orang;
  - (b) membuat perkiraan bagi orang untuk memberikan keterangan atau untuk membantu dalam perkara jenayah;
  - (c) melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman;
  - (d) melaksanakan penggeledahan dan penyitaan;
  - (e) memeriksa objek dan tempat;
  - (f) membekalkan salinan asal atau salinan yang diperakui dokumen, rekod dan butiran keterangan yang berkenaan;
  - (g) mengenal pasti atau mengesan harta yang didapatkan daripada pelakuan sesuatu kesalahan dan peralatan jenayah;
  - (h) penyekatan urusan mengenai harta atau pembekuan harta yang didapatkan daripada pelakuan sesuatu kesalahan yang boleh didapatkan, dilucuthakkan atau dirampas;
  - (i) mendapatkan, melucuthakkan atau merampas harta yang didapatkan daripada pelakuan sesuatu kesalahan;
  - (j) mencari dan mengenal pasti saksi dan orang yang disyaki; dan
  - (k) pemberian apa-apa bantuan lain yang dipersetujui dan yang selaras dengan tujuan Triti ini dan undang-undang Pihak yang Diminta.

3. Triti ini terpakai semata-mata bagi pemberian bantuan bersama di kalangan Pihak-Pihak. Peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat atau mengetepikan apa-apa keterangan atau untuk menghalang pelaksanaan apa-apa permintaan bagi bantuan.
4. Bagi maksud Triti ini, ungkapan “peralatan jenayah” ertinya harta yang digunakan berkaitan dengan pelakuan sesuatu kesalahan atau nilai yang bersamaan dengan harta itu.

PERKARA 2  
KETIDAKPAKAIAN

1. Triti ini tidak terpakai bagi—
  - (a) penangkapan atau penahanan mana-mana orang dengan tujuan untuk mengekstradisikan orang itu;
  - (b) penguatkuasaan di Pihak yang Diminta akan penghakiman jenayah yang dikenakan di Pihak yang Meminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta;
  - (c) pemindahan orang dalam jagaan untuk menjalani hukuman; dan
  - (d) pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.
2. Tiada apa-apa jua dalam Triti ini memberikan hak kepada sesuatu Pihak untuk melaksanakan di dalam wilayah Pihak yang satu lagi perjalanan bidang kuasa dan pelaksanaan fungsi yang diperuntukkan secara eksklusif kepada pihak berkuasa Pihak yang satu lagi itu oleh undang-undang domestiknya.

PERKARA 3  
HAD KE ATAS BANTUAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah menolak bantuan jika, pada pendapatnya—
  - (a) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan yang merupakan, atau yang oleh sebab hal keadaan yang dalamnya kesalahan itu dikatakan dilakukan atau telah dilakukan merupakan suatu kesalahan yang bersifat politik;
  - (b) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang berkenaan dengan suatu perbuatan atau peninggalan yang, jika perbuatan atau peninggalan itu telah berlaku di Pihak yang Diminta, akan menjadi suatu kesalahan tentera di bawah undang-undang Pihak yang Diminta yang bukan juga suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah biasa Pihak yang Diminta itu;

- (c) terdapat alasan substansial untuk mempercayai bahawa permintaan itu telah dibuat bagi maksud untuk menyiasat, mendakwa, menghukum atau selainnya menyebabkan kemudaratan kepada seseorang kerana ras, agama, jantina, keturunan etnik, kerakyatan atau pendapat politik orang itu;
- (d) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan dalam hal apabila orang itu—
  - (i) telah disabitkan, dibebaskan atau diberi pengampunan oleh suatu mahkamah yang berwibawa atau pihak berkuasa lain di Pihak yang Meminta atau Pihak yang Diminta; atau
  - (ii) telah menjalani hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang Pihak yang Meminta atau Pihak yang Diminta, berkenaan dengan kesalahan itu atau kesalahan lain yang terdiri daripada perbuatan atau peninggalan yang sama seperti kesalahan yang mula-mula disebut itu;
- (e) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang berkenaan dengan suatu perbuatan atau peninggalan yang, jika perbuatan atau peninggalan itu telah berlaku di Pihak yang Diminta, tidak akan menjadi suatu kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Diminta melainkan jika Pihak yang Diminta boleh memberikan bantuan dalam ketiadaan dwi-kejenayahan jika dibenarkan oleh undang-undang domestiknya;
- (f) pemberian bantuan itu akan menjejaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam, kepentingan awam atau kepentingan utama Pihak yang Diminta;
- (g) Pihak yang Meminta gagal untuk mengaku janji bahawa ia akan dapat memenuhi sesuatu permintaan pada masa hadapan yang serupa sifatnya oleh Pihak yang Diminta bagi bantuan dalam perkara jenayah;
- (h) Pihak yang Meminta gagal mengaku janji bahawa butiran yang diminta itu tidak akan digunakan bagi sesuatu perkara selain perkara jenayah yang berkenaan dengannya permintaan itu dibuat dan Pihak yang Diminta itu tidak bersetuju untuk mengetepikan aku janji sedemikian;
- (i) Pihak yang Meminta gagal untuk mengaku janji untuk memulangkan kepada Pihak yang Diminta, atas permintaannya, apa-apa butiran yang diperoleh menurut permintaan itu apabila selesai perkara jenayah yang berkenaan dengannya permintaan itu dibuat;
- (j) pemberian bantuan itu akan menjejaskan suatu perkara jenayah di Pihak yang Diminta; atau
- (k) pemberian bantuan itu akan memerlukan langkah-langkah diambil yang bertentangan dengan undang-undang Pihak yang Diminta.

2. Pihak yang Diminta boleh menolak bantuan jika, pada pendapatnya—
  - (a) Pihak yang Meminta telah, berkenaan dengan permintaan itu, gagal untuk mematuhi mana-mana terma material Terti ini atau perkiraan lain yang berkenaan;
  - (b) pemberian bantuan itu akan, atau berkemungkinan akan, memudaratkan keselamatan mana-mana orang, sama ada orang itu berada di dalam atau di luar wilayah Pihak yang Diminta; atau
  - (c) pemberian bantuan itu akan mengenakan suatu beban yang berlebihan ke atas sumber-sumber Pihak yang Diminta.
3. Bagi maksud subperenggan (1)(a), kesalahan yang berikut tidaklah boleh dianggap sebagai kesalahan yang bersifat politik:
  - (a) suatu kesalahan terhadap nyawa atau diri seseorang Ketua Negara atau anggota keluarga terdekat seseorang Ketua Negara;
  - (b) suatu kesalahan terhadap nyawa atau diri seseorang Ketua Kerajaan pusat, atau seseorang Menteri suatu Kerajaan pusat;
  - (c) suatu kesalahan yang termasuk dalam ruang lingkup apa-apa konvensyen antarabangsa yang kedua-dua Pihak yang Meminta dan Pihak yang Diminta ialah pihak kepadanya dan yang mengenakan ke atas Pihak-Pihak kepada konvensyen itu suatu obligasi sama ada untuk mengekstradisikan atau mendakwa seseorang yang dituduh melakukan kesalahan itu; dan
  - (d) apa-apa percubaan, persubahatan atau komplot untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam subperenggan (a) hingga (c).
4. Pihak yang Diminta boleh menyekat pemakaian mana-mana peruntukan yang dibuat di bawah perenggan 3 mengikut sama ada Pihak yang Meminta telah membuat peruntukan yang seumpamanya dalam undang-undangnya.
5. Bantuan tidak boleh ditolak semata-mata atas alasan kerahsiaan bank dan institusi kewangan yang seumpamanya atau bahawa kesalahan itu juga dianggap melibatkan perkara fiskal.
6. Pihak yang Diminta boleh menangguhkan pelaksanaan permintaan itu jika pelaksanaannya dengan serta-merta akan mengganggu mana-mana perkara jenayah yang sedang berjalan di Pihak yang Diminta.
7. Sebelum menolak sesuatu permintaan atau menangguhkan pelaksanaannya menurut Perkara ini, Pihak yang Diminta hendaklah menimbang sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.
8. Jika Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah perenggan 7, Pihak itu hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat sedemikian.

9. Jika Pihak yang Diminta menolak atau menanggguhkan bantuan, Pihak itu hendaklah memaklumkan Pihak yang Meminta akan alasan penolakan atau penangguhan itu dengan segera.
10. Pihak-Pihak hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestik mereka masing-masing, membalas apa-apa bantuan yang diberikan berkenaan dengan suatu kesalahan yang bersamaan tanpa mengira penalti yang terpakai.

#### PERKARA 4

##### PENETAPAN PIHAK BERKUASA PUSAT

1. Setiap Pihak hendaklah menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat untuk membuat dan menerima permintaan menurut Triti ini.
2. Penetapan Pihak Berkuasa Pusat itu hendaklah dibuat pada masa surat cara peratifikasian, penerimaan, persetujuan atau kesertaan Triti ini disimpan.
3. Setiap Pihak hendaklah dengan segera memberitahu Pihak-Pihak lain tentang apa-apa perubahan dalam penetapan Pihak Berkuasa Pusatnya.
4. Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berkomunikasi secara langsung antara satu sama lain tetapi boleh, jika dipilih oleh mereka, berkomunikasi melalui saluran diplomatik.

#### PERKARA 5

##### BENTUK PERMINTAAN

1. Permintaan bagi bantuan hendaklah dibuat secara bertulis, atau jika boleh, melalui apa-apa kaedah yang dapat menghasilkan suatu rekod bertulis di bawah keadaan yang membolehkan Pihak yang Diminta menentukan kesahan. Dalam situasi yang memerlukan tindakan segera dan jika dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta, permintaan boleh dibuat secara lisan, tetapi dalam hal sedemikian permintaan itu hendaklah disahkan secara bertulis dalam masa lima hari.
2. Pihak Berkuasa Pusat hendaklah menguruskan penghantaran semua permintaan dan apa-apa komunikasi yang berkaitan dengannya. Dalam situasi yang memerlukan tindakan segera dan jika dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta, permintaan dan apa-apa komunikasi yang berkaitan dengannya boleh dihantar melalui Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (INTERPOL) atau Pertubuhan Polis Negara-Negara ASEAN (ASEANAPOL).



## PERKARA 6

## KANDUNGAN PERMINTAAN

1. Sesuatu permintaan bagi bantuan dalam perkara jenayah hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pihak yang Diminta untuk melaksanakan permintaan itu, termasuklah—
  - (a) nama pejabat yang meminta dan pihak berkuasa yang berwibawa yang menjalankan penyiasatan atau prosiding jenayah yang dengannya permintaan itu berkaitan;
  - (b) maksud permintaan itu dan jenis bantuan yang diminta;
  - (c) suatu perihalan mengenai sifat perkara jenayah itu dan status semasanya, dan suatu pernyataan yang menyatakan suatu ringkasan fakta-fakta dan undang-undang yang berkenaan;
  - (d) suatu perihalan mengenai kesalahan yang dengannya permintaan itu berkaitan, termasuklah penalti maksimumnya;
  - (e) sesuatu perihalan mengenai fakta yang dikatakan menjadi kesalahan itu dan suatu pernyataan atau teks undang-undang yang berkenaan;
  - (f) suatu perihalan mengenai tindakan atau peninggalan utama atau perkara-perkara yang dikatakan atau yang hendak ditentukan;
  - (g) suatu perihalan mengenai keterangan, maklumat atau bantuan lain yang diminta;
  - (h) alasan bagi dan butir-butir mengenai apa-apa tatacara atau kehendak tertentu yang Pihak yang Meminta ingin supaya diikuti;
  - (i) penetapan apa-apa had masa yang dalamnya permintaan itu dikehendaki dipatuhi;
  - (j) apa-apa kehendak khas bagi kerahsiaan dan sebab-sebab baginya; dan
  - (k) apa-apa maklumat atau aku janji lain yang dikehendaki di bawah undang-undang domestik Pihak yang Diminta atau yang selainnya diperlukan bagi pelaksanaan permintaan itu dengan sepatutnya.
2. Permintaan bagi bantuan boleh juga, setakat yang perlu, mengandungi maklumat yang berikut:
  - (a) identiti, kerakyatan dan lokasi orang atau orang-orang yang menjadi subjek penyiasatan atau prosiding jenayah itu;
  - (b) identiti dan lokasi mana-mana orang yang daripadanya keterangan dikehendaki;
  - (c) identiti dan lokasi seseorang yang kepadanya penyampaian akan dibuat, perhubungan orang itu dengan prosiding jenayah itu, dan cara penyampaian itu dikehendaki dibuat;
  - (d) maklumat mengenai identiti dan lokasi seseorang yang hendak dicari;
  - (e) suatu perihalan mengenai cara testimoni atau pernyataan dikehendaki diambil dan direkodkan;
  - (f) suatu senarai soalan yang hendak ditanyakan kepada seorang saksi;

- 
- (g) suatu perihalan mengenai dokumen, rekod atau butiran keterangan yang hendak dikemukakan serta suatu perihalan mengenai orang yang sepatutnya diminta untuk mengemukakannya dan, setakat yang tidak diperuntukkan selainnya, bentuk yang dalamnya dokumen, rekod atau butiran keterangan patut dihasilkan semula dan disahkan;
  - (h) suatu pernyataan tentang sama ada keterangan atau pernyataan bersumpah dan berikrar dikehendaki;
  - (i) suatu perihalan mengenai harta, aset atau barang yang dengannya permintaan itu berkaitan, termasuk identiti dan lokasinya; dan
  - (j) apa-apa perintah mahkamah yang berhubungan dengan bantuan yang diminta dan suatu pernyataan yang berhubungan dengan kemuktamadan perintah itu.
3. Permintaan, dokumen sokongan dan komunikasi lain yang dibuat menurut Triti ini hendaklah dibuat dalam bahasa Inggeris dan, jika perlu, disertakan dengan suatu terjemahan dalam bahasa Pihak yang Diminta atau bahasa lain yang boleh diterima oleh Pihak yang Diminta.
  4. Jika Pihak yang Diminta mendapati bahawa maklumat yang terkandung dalam permintaan itu tidak mencukupi untuk membolehkan permintaan itu diuruskan, Pihak yang Diminta boleh meminta maklumat tambahan. Pihak yang Meminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat tambahan yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk membolehkan permintaan itu dipenuhi.

## PERKARA 7

## PELAKSANAAN PERMINTAAN

1. Permintaan bagi bantuan hendaklah dilaksanakan dengan segera, mengikut cara yang diperuntukkan oleh undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta. Tertakluk kepada undang-undang dan amalan domestiknya Pihak yang Diminta hendaklah melaksanakan permintaan itu mengikut cara yang dinyatakan oleh Pihak yang Meminta.
2. Pihak yang Diminta hendaklah, jika diminta untuk berbuat demikian dan tertakluk kepada undang-undang dan amalan domestiknya membuat semua perkiraan yang perlu untuk perwakilan Pihak yang Meminta di Pihak yang Diminta dalam apa-apa prosiding jenayah yang berbangkit daripada suatu permintaan bagi bantuan dan hendaklah selainnya mewakili kepentingan Pihak yang Meminta.
3. Pihak yang Diminta hendaklah menjawab dengan secepat yang mungkin pertanyaan munasabah daripada Pihak yang Meminta mengenai kemajuan dalam pelaksanaan permintaan itu.
4. Pihak yang Diminta boleh meminta Pihak yang Meminta untuk membekalkan maklumat dalam apa-apa bentuk yang perlu untuk membolehkannya melaksanakan permintaan itu atau untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu di bawah undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta untuk memberi kesan kepada permintaan yang diterima daripada Pihak yang Meminta.

## PERKARA 8

## HAD KE ATAS PENGGUNAAN KETERANGAN YANG DIPEROLEH

1. Pihak yang Meminta tidak boleh, tanpa persetujuan Pihak yang Diminta dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta, menggunakan atau menzahirkan atau memindahkan maklumat atau keterangan yang dibekalkan oleh Pihak yang Diminta bagi maksud selain maksud yang dinyatakan dalam permintaan itu.
2. Walau apa pun perenggan 1, dalam kes apabila pertuduhan dipinda, maklumat atau keterangan yang dibekalkan boleh digunakan, dengan persetujuan terdahulu Pihak yang Diminta, setakat yang kesalahan itu, sebagaimana yang dipertuduhkan, merupakan suatu kesalahan yang berkenaan dengannya bantuan bersama undang-undang boleh diberikan di bawah Tritis ini, dan yang dihuraikan oleh fakta yang atasnya permintaan itu dibuat.

## PERKARA 9

## PERLINDUNGAN KERAHSIAAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestiknya, mengambil segala langkah yang sesuai untuk menjaga kerahsiaan permintaan bagi bantuan itu, kandungannya dan dokumen sokongannya, hakikat mengenai pemberian bantuan itu dan apa-apa tindakan yang diambil menurut permintaan itu. Jika permintaan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa melanggar kehendak kerahsiaan, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu sedemikian kepada Pihak yang Meminta, yang kemudiannya hendaklah menentukan sama ada permintaan itu masih patut dilaksanakan.
2. Pihak yang Meminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestiknya, mengambil segala langkah yang sesuai untuk—
  - (a) menjaga kerahsiaan maklumat dan keterangan yang dibekalkan oleh Pihak yang Diminta, kecuali setakat yang keterangan dan maklumat itu diperlukan bagi maksud yang diperihalkan dalam permintaan itu; dan
  - (b) memastikan bahawa maklumat dan keterangan itu dilindungi terhadap kehilangan dan akses, penggunaan, ubah suaian, penzahiran yang tidak dibenarkan atau penyalahgunaan lain.

## PERKARA 10

## PEMEROLEHAN PERNYATAAN SUKARELA

Apabila sesuatu permintaan dibuat untuk memperoleh suatu pernyataan daripada seseorang bagi maksud suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta, Pihak yang Diminta hendaklah berusaha, dengan persetujuan orang itu, untuk memperoleh pernyataan itu.

## PERKARA 11

## PEMEROLEHAN KETERANGAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestiknya, membuat perkiraan supaya keterangan, termasuk testimoni bersumpah atau berikrar, dokumen atau rekod diambil atau diperoleh daripada saksi bagi maksud suatu perkara jenayah untuk dihantar kepada Pihak yang Meminta.
2. Jika testimoni bersumpah atau berikrar dikehendaki diambil di bawah Perkara ini, pihak-pihak kepada prosiding jenayah yang berkenaan di Pihak yang Meminta atau wakil di sisi undang-undang mereka boleh, tertakluk kepada undang-undang domestik Pihak yang Diminta, hadir dan menyoal orang yang memberikan keterangan itu.
3. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan hubungan video secara langsung atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai mengikut undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta bagi maksud melaksanakan Perkara ini jika ia adalah suai manfaat demi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian.

## PERKARA 12

## HAK UNTUK ENGGAN MEMBERIKAN KETERANGAN

1. Seseorang yang dikehendaki memberikan testimoni bersumpah atau berikrar atau mengemukakan dokumen, rekod atau keterangan lain di bawah Perkara 11 Triti ini di Pihak yang Diminta menurut suatu permintaan bagi bantuan boleh enggan berbuat demikian jika—
  - (a) undang-undang Pihak yang Diminta membenarkan atau menghendaki orang itu tidak berbuat sedemikian dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding yang bermula di Pihak yang Diminta; atau
  - (b) undang-undang Pihak yang Meminta membenarkan atau menghendaki orang itu tidak berbuat sedemikian dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding yang bermula di Pihak yang Meminta.
2. Jika orang itu menuntut bahawa terdapat hak untuk enggan memberikan testimoni bersumpah atau berikrar atau untuk mengemukakan dokumen, rekod atau keterangan lain di bawah Perkara 11 Triti ini di bawah undang-undang Pihak yang Meminta, Pihak yang Meminta hendaklah, jika diminta sedemikian, memberikan perakuan kepada Pihak yang Diminta tentang kewujudan hak itu atau sebaliknya.

## PERKARA 13

## PEMBEKALAN DOKUMEN YANG TERSEDIA SECARA AWAM DAN REKOD LAIN

1. Pihak yang Diminta hendaklah membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan dokumen atau rekod yang tersedia secara awam yang ada dalam milikan jabatan dan agensi kerajaan.

2. Pihak yang Diminta boleh, tertakluk kepada undang-undang dan amalan domestiknya membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan apa-apa dokumen atau rekod yang ada dalam milikan jabatan dan agensi kerajaan yang tidak tersedia secara awam. Pihak yang Diminta boleh menurut budi bicaranya menolak, secara keseluruhan atau sebahagiannya, suatu permintaan menurut perenggan ini.

## PERKARA 14

## KEHADIRAN ORANG DI PIHAK YANG MEMINTA

1. Pihak yang Diminta boleh, tertakluk kepada undang-undang dan amalan domestiknya membantu dalam membuat perkiraan bagi kehadiran seseorang di Pihak yang Diminta, tertakluk kepada persetujuannya, di Pihak yang Meminta—
  - (a) untuk membantu dalam penyiasatan yang berkaitan dengan suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta; atau
  - (b) untuk hadir dalam prosiding yang berkaitan dengan suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta melainkan jika orang itu ialah orang yang dipertuduh.
2. Pihak yang Diminta hendaklah, jika berpuas hati bahawa perkiraan yang memuaskan bagi keselamatan orang itu akan dibuat oleh Pihak yang Meminta, mengundang orang itu untuk memberikan atau membekalkan keterangan atau bantuan berhubung dengan suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta. Orang itu hendaklah dimaklumkan tentang apa-apa perbelanjaan atau elaun yang kena dibayar.
3. Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memaklumkan Pihak yang Meminta mengenai jawapan orang itu dan, jika orang itu bersetuju, mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memudahkan kehadiran orang itu di Pihak yang Meminta.
4. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan hubungan video secara langsung atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai mengikut undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta jika ia adalah suai manfaat demi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian.

## PERKARA 15

## KEHADIRAN ORANG DALAM JAGAAN DI PIHAK YANG MEMINTA

1. Pihak yang Diminta boleh, tertakluk kepada undang-undang dan amalan domestiknya bersetuju untuk membenarkan seseorang dalam jagaan di Pihak yang Diminta, tertakluk kepada persetujuannya, untuk dipindahkan secara sementara kepada Pihak yang Meminta untuk memberikan keterangan atau untuk membantu dalam penyiasatan.

2. Selagi orang yang dipindahkan itu dikehendaki ditahan dalam jagaan di bawah undang-undang Pihak yang Diminta, Pihak yang Meminta hendaklah menahan orang itu dalam jagaan dan hendaklah mengembalikan orang itu dalam jagaan kepada Pihak yang Diminta apabila selesainya perkara yang berkaitan dengannya pemindahan itu diminta atau pada bila-bila masa yang lebih awal apabila kehadiran orang itu tidak lagi dikehendaki.
3. Jika Pihak yang Diminta menasihatkan Pihak yang Meminta bahawa orang yang dipindahkan itu tidak lagi dikehendaki supaya ditahan dalam jagaan, orang itu hendaklah dilepaskan daripada jagaan dan hendaklah dianggap sebagai seseorang yang sebut di bawah Perkara 14 Triti ini.
4. Pihak yang Meminta tidak boleh menghendaki Pihak yang Diminta untuk memulakan prosiding ekstradisi bagi pengembalian orang yang dipindahkan itu.
5. Tempoh orang itu berada dalam jagaan Pihak yang Meminta hendaklah diambil kira dalam mengira tempoh pemenjaraan atau penahanannya di Pihak yang Diminta.
6. Tiada pemindahan di bawah Perkara ini boleh dilakukan melainkan jika Pihak yang Meminta memberikan aku janji—
  - (a) untuk menanggung dan bertanggungjawab bagi segala perbelanjaan pemindahan jagaan itu;
  - (b) untuk menahan orang itu di bawah jagaan sah sepanjang pemindahan jagaannya; dan
  - (c) untuk mengembalikan orang itu ke dalam jagaan Pihak yang Diminta sebaik sahaja kehadirannya di hadapan pihak berkuasa atau mahkamah yang berwajib di Pihak yang Meminta tidak lagi dikehendaki.
7. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan hubungan video secara langsung atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai mengikut undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta jika ia adalah suai manfaat demi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian.

## PERKARA 16

## PERJALANAN SELAMAT

1. Tertakluk kepada perenggan 2, jika seseorang hadir di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 14 atau 15 Triti ini—
  - (a) orang itu tidak boleh ditahan, didakwa, dihukum atau dikenakan apa-apa sekatan kebebasan diri yang lain di Pihak yang Meminta berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan atau sabitan bagi apa-apa kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta yang dikatakan telah dilakukan, atau telah dilakukan, sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta;

- 
- (b) orang itu tidak boleh, tanpa persetujuan orang itu, dikehendaki memberikan keterangan dalam apa-apa perkara jenayah di Pihak yang Meminta selain perkara jenayah yang berkenaan dengannya permintaan itu berkaitan; atau
- (c) orang itu tidak boleh dikenakan apa-apa guaman sivil berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan orang itu yang dikatakan telah berlaku, atau telah berlaku, sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta.
2. Perenggan 1 hendaklah terhenti terpakai jika orang itu, yang bebas dan berupaya untuk pergi, tidak meninggalkan Pihak yang Meminta dalam tempoh 15 hari berturutan selepas orang itu telah dimaklumkan atau diberitahu secara rasmi bahawa kehadirannya tidak lagi dikehendaki atau, setelah meninggalkan Pihak yang Meminta, telah kembali secara sukarela.
  3. Seseorang yang hadir di hadapan suatu pihak berkuasa atau mahkamah yang berwibawa di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 14 atau 15 Triti ini tidak boleh didakwa berdasarkan testimoni itu kecuali bahawa orang itu hendaklah tertakluk kepada undang-undang Pihak yang Meminta berkenaan dengan penghinaan mahkamah dan sumpah bohong.
  4. Seseorang yang tidak bersetuju untuk hadir di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 14 atau 15 Triti ini tidak boleh, semata-mata oleh sebab keengganan atau kegagalan untuk bersetuju itu, dikenakan apa-apa penalti atau liabiliti atau selainnya dimudaratkan dari segi undang-undang walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam permintaan itu.

#### PERKARA 17

##### PERJALANAN ORANG DALAM JAGAAN

1. Pihak yang Diminta boleh, tertakluk kepada undang-undang dan amalan domestiknya membenarkan perjalanan seseorang yang ditahan dalam jagaan melalui wilayahnya, oleh Pihak yang Meminta atau suatu Negara ketiga, yang kehadiran orang itu telah diminta oleh Pihak yang Meminta dalam suatu perkara jenayah.
2. Apabila pesawat terbang, kenderaan air atau kereta api yang membawa orang itu mendarat atau berlabuh atau berhenti di Pihak yang Diminta, pegawai penjaga atau pegawai pengiring Pihak yang Meminta atau, jika berkenaan, Negara ketiga yang membantu Pihak yang Meminta untuk memudahkan pemindahan itu hendaklah terus bertanggungjawab bagi jagaan orang yang sedang dibawa itu selagi dia berada dalam perjalanan di Pihak yang Diminta, melainkan jika dipersetujui selainnya oleh Pihak yang Diminta.

3. Tanpa menjejaskan perenggan 2 dan jika Pihak yang Diminta bersetuju, orang yang sedang dibawa boleh ditahan secara sementara dalam jagaan suatu pihak berkuasa yang berwibawa Pihak yang Diminta sehingga perjalanannya diteruskan.
4. Jika seseorang sedang ditahan dalam jagaan di Pihak yang Diminta dalam perjalanan dan perjalanan orang itu tidak diteruskan dalam suatu tempoh yang munasabah, Pihak yang Diminta boleh mengarahkan supaya orang itu dibawa dalam jagaan ke Negara yang darinya orang itu mula-mula dibawa.
5. Segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak yang Diminta berkenaan dengan perenggan 3 dan 4 hendaklah dibayar balik oleh Pihak yang Meminta.

## PERKARA 18

## PENGGELEDAHAN DAN PENYITAAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestiknya, melaksanakan suatu permintaan bagi penggeledahan, penyitaan dan penghantarserahan apa-apa dokumen, rekod atau butiran kepada Pihak yang Meminta jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen, rekod atau butiran itu adalah berkaitan dengan suatu perkara jenayah di Pihak yang Meminta.
2. Pihak yang Meminta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta berhubung dengan apa-apa dokumen, rekod atau butiran yang disita yang dihantarserahkan kepada Pihak yang Meminta yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk melindungi dokumen, rekod atau butiran yang hendak dipindahkan.
3. Pihak yang Diminta hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan memaklumkan Pihak yang Meminta mengenai hasil apa-apa penggeledahan, tempat dan hal keadaan penyitaan, dan jagaan selanjutnya dokumen, rekod atau butiran yang disita.

## PERKARA 19

## PEMULANGAN KETERANGAN

1. Pihak yang Meminta hendaklah apabila selesainya perkara jenayah yang berkenaan dengannya permintaan bagi bantuan itu dibuat memulangkan kepada Pihak yang Diminta apa-apa dokumen, rekod atau butiran yang dibekalkan kepada Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Triti ini.
2. Walau apa pun perenggan 1 Pihak yang Meminta hendaklah pada bila-bila masa, apabila diminta, memulangkan secara sementara kepada Pihak yang Diminta apa-apa dokumen, rekod atau butiran yang dibekalkan kepada Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Triti ini jika dokumen, rekod atau butiran itu diperlukan bagi suatu perkara jenayah di Pihak yang Diminta.



## PERKARA 20

## MENCARI ATAU MENGENAL PASTI ORANG

Pihak yang Diminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestiknya, menggunakan usaha terbaiknya untuk menentukan lokasi atau identiti seseorang yang dinyatakan dalam permintaan itu dan yang semunasabahnya dipercayai berada di dalam wilayahnya.

## PERKARA 21

## PENYAMPAIAN DOKUMEN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestiknya, menggunakan usaha terbaiknya untuk melaksanakan penyampaian apa-apa dokumen yang berkenaan dengan suatu perkara jenayah yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah di Pihak yang Meminta.
2. Pihak yang Meminta hendaklah menghantar apa-apa permintaan bagi penyampaian sesuatu dokumen yang menghendaki sesuatu jawapan atau kehadiran di Pihak yang Meminta tidak lewat daripada tiga puluh hari sebelum jawapan atau kehadiran yang dijadualkan itu.
3. Pihak yang Diminta hendaklah mengembalikan bukti penyampaian mengikut cara yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak yang berkenaan.
4. Bagi maksud perenggan 3, ungkapan “bukti penyampaian” termasuklah maklumat dalam bentuk affidavit mengenai bila dan bagaimana dokumen itu telah disampaikan dan, jika boleh, resit yang ditandatangani oleh orang yang kepadanya dokumen itu disampaikan dan jika pegawai yang menyampaikan itu tidak dapat menyebabkan dokumen itu disampaikan, fakta itu dan sebab bagi kegagalan itu.

## PERKARA 22

## BANTUAN DALAM PROSIDING PERLUCUTHAKAN

1. Pihak yang Diminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestiknya, berusaha untuk mencari, mengesan, menyekat, membekukan, menyita, melucuthakkan atau merampas harta yang diperoleh daripada pelakuan sesuatu kesalahan dan peralatan jenayah yang baginya bantuan sedemikian boleh diberikan dengan syarat bahawa Pihak yang Meminta membekalkan semua maklumat yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta.
2. Jika suatu permintaan dibuat di bawah perenggan 1, permintaan itu hendaklah disertakan dengan perintah asal yang telah ditandatangani, atau suatu salinan perintah itu yang telah disahkan dengan sewajarnya.

3. Suatu permintaan bagi bantuan di bawah Perkara ini hendaklah dibuat hanya berkenaan dengan perintah dan penghakiman yang dibuat selepas Triti ini mula berkuat kuasa.
4. Tertakluk kepada undang-undang domestik Pihak yang Diminta, harta yang dilucuthakkan atau dirampas menurut Perkara ini boleh terakru kepada Pihak yang Meminta melainkan jika dipersetujui selainnya mengikut setiap kes yang tertentu.
5. Pihak yang Diminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestiknya, menurut mana-mana perjanjian dengan Pihak yang Meminta memindahkan ke Pihak yang Meminta bahagian harta yang didapatkan di bawah Perkara ini sebagaimana yang dipersetujui tertakluk kepada pembayaran kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak yang Diminta dalam menguatkuasakan perintah perlucuthakan itu.

## PERKARA 23

## KESESUAIAN DENGAN PERKIRAAN LAIN

Tiada apa-apa jua dalam Triti ini boleh menghalang Pihak-Pihak daripada memberikan bantuan kepada satu sama lain menurut triti lain, perkiraan lain atau peruntukan undang-undang negara mereka.

## PERKARA 24

## PEMERAKUAN DAN PENGESAHAN

1. Setiap Pihak hendaklah, apabila diminta, mengesahkan apa-apa dokumen atau bahan lain yang hendak dihantar kepada Pihak yang satu lagi di bawah Triti ini.
2. Sesuatu dokumen disahkan dengan sewajarnya bagi maksud Triti ini jika—
  - (a) dokumen itu berupa sebagai ditandatangani atau diperakui oleh seorang hakim, majistret, atau pegawai di atau bagi Pihak yang menghantarkan dokumen itu yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh undang-undang Pihak itu; dan
  - (b) sama ada—
    - (i) dokumen itu ditentusahkan dengan sumpah atau ikrar seorang saksi, atau seorang pegawai kerajaan Pihak itu; atau
    - (ii) dokumen itu berupa sebagai dimeterai dengan meterai rasmi atau awam Pihak itu atau Menteri Kerajaan, atau jabatan atau pegawai kerajaan, Pihak itu.
3. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang pembuktian apa-apa perkara atau kebolehterimaan sebagai keterangan apa-apa dokumen mengikut undang-undang Pihak yang Meminta.

4. Tertakluk kepada undang-undang domestik setiap Pihak—
- (a) sesuatu dokumen yang ditandatangani dengan tandatangan digital atau elektronik mengikut undang-undang Pihak yang berkenaan hendaklah mengikat di sisi undang-undang seperti suatu dokumen yang ditandatangani dengan tandatangan yang ditulis tangan, cap ibu jari yang dicapkan atau apa-apa tanda lain; dan
  - (b) sesuatu tandatangan digital atau elektronik yang diwujudkan mengikut undang-undang Pihak yang berkenaan hendaklah disifatkan sebagai suatu tandatangan yang mengikat di sisi undang-undang.

## PERKARA 25

## KOS

1. Pihak yang Diminta hendaklah menanggung segala perbelanjaan biasa bagi memenuhi permintaan bagi bantuan kecuali bahawa Pihak yang Meminta hendaklah menanggung—
  - (a) fi peguam yang diambil atas permintaan Pihak yang Meminta;
  - (b) fi dan perbelanjaan saksi pakar;
  - (c) kos penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian;
  - (d) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan mana-mana orang ke atau dari wilayah Pihak yang Diminta dan fi, elaun dan perbelanjaan yang kena dibayar kepada orang yang berkenaan selagi orang itu berada di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 14 atau 15 Tritis ini; dan
  - (e) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan pegawai penjaga atau pegawai pengiring.
2. Kos untuk mengadakan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai, kos yang berkaitan dengan penservisan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai, saraan penterjemah yang disediakan oleh Pihak yang Diminta dan elaun bagi saksi dan perbelanjaan perjalanan mereka di Pihak yang Diminta hendaklah dibayar balik oleh Pihak yang Meminta kepada Pihak yang Diminta, melainkan jika Pihak-Pihak bersetuju bersama selainnya.
3. Jika semasa pelaksanaan permintaan itu adalah jelas bahawa perbelanjaan yang bersifat luar biasa atau substansial adalah dikehendaki untuk memenuhi permintaan itu, Pihak-Pihak hendaklah berunding untuk menentukan terma dan syarat yang di bawahnya pelaksanaan permintaan itu hendaklah dilaksanakan atau diteruskan.

PERKARA 26

RUNDINGAN

1. Pihak-Pihak Berkuasa Pusat Pihak-Pihak hendaklah berunding, pada masa yang dipersetujui bersama oleh mereka, untuk menggalakkan penggunaan Triti ini yang paling berkesan.
2. Pihak-Pihak boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang perlu untuk memudahkan pelaksanaan Triti ini.

PERKARA 27

PINDAAN

1. Triti ini boleh diubah suai atau dipinda pada bila-bila masa melalui persetujuan bertulis bersama Pihak-Pihak. Ubah suaian atau pindaan sedemikian akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dan akan menjadi sebahagian daripada Triti ini.
2. Apa-apa ubah suaian atau pindaan tidaklah menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau berdasarkan Triti ini sebelum atau sehingga tarikh ubah suaian atau pindaan itu mula berkuat kuasa.

PERKARA 28

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan secara persahabatan melalui rundingan atau runding bicara antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik atau apa-apa cara aman yang lain bagi penyelesaian pertikaian sebagaimana yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak.

PERKARA 29

RESERVASI

Triti ini tidak tertakluk kepada reservasi.

PERKARA 30

TANDATANGAN, PERATIFIKASIAN, KESERTAAN, PENYIMPANAN DAN  
PENDAFTARAN

1. Triti ini hendaklah tertakluk kepada peratifikasian, penerimaan, persetujuan atau kesertaan mengikut tatacara berperlembagaan Negara-Negara penandatangan.

2. Mana-mana Negara boleh menyertai Triti ini atas sepersetujuan oleh Pihak-Pihak asal.
3. Surat cara peratifikasian, penerimaan, persetujuan atau kesertaan hendaklah disimpan oleh Kerajaan Malaysia yang ditetapkan sebagai Negara Pemegang Simpanan.
4. Negara Pemegang Simpanan hendaklah memaklumkan Negara-Negara lain yang menjadi Pihak-Pihak kepada Triti ini mengenai penyimpanan surat cara peratifikasian, penerimaan, persetujuan atau kesertaan.
5. Negara Pemegang Simpanan hendaklah mendaftarkan Triti ini menurut Perkara 102 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

## PERKARA 31

## PERMULAAN KUAT KUASA, PEMAKAIAN DAN PENAMATAN

1. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa bagi setiap Pihak yang meratifikasikan, menerima, mempersetujui atau menyertai Triti ini pada tarikh penyimpanan surat cara peratifikasian, penerimaan, persetujuan atau kesertaannya.
2. Triti ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya bagi kedua-dua Pihak yang berkenaan tidak kira perbuatan atau peninggalan yang berkaitan yang menjadi kesalahan itu berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.
3. Mana-mana Pihak boleh memutuskan Triti ini melalui pemberitahuan bertulis kepada Negara Pemegang Simpanan. Keputusan hendaklah mula berkuat kuasa enam bulan yang berikutan tarikh yang pemberitahuan diterima oleh Negara Pemegang Simpanan.
4. Keputusan Triti ini hendaklah tanpa menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau berdasarkan Triti ini dan penyelesaian apa-apa permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh keputusan.
5. Keputusan Triti ini hendaklah berkuat kuasa hanya berkenaan dengan Pihak yang telah memberitahunya. Triti ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi Pihak-Pihak lain.

## PERKARA 32

## PEMEGANG SIMPANAN TRITI

Salinan asal Triti ini hendaklah disimpan oleh Negara Pemegang Simpanan yang hendaklah menghantarkan salinannya yang diperakui kepada semua Pihak.

PADA MENYAKSIKANNYA yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Triti ini.

DIBUAT di Kuala Lumpur pada 29 haribulan November 2004 dalam satu salinan asal dalam bahasa Inggeris.

BAGI KERAJAAN BRUNEI  
DARUSSALAM

BAGI KERAJAAN KEMBOJA

.....  
Dato' Seri Paduka Haji Kifrawi  
Dato' Paduka Haji Kifli  
*Peguam Negara*

.....  
Ang Vong Vathana  
*Menteri Keadilan*

